

Tingkat kesedaran gangguan seksual

Kuala Lumpur: Penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual seperti yang diumumkan Menteri Kewangan pada sesi pembentangan Bajet 2023 diharap dapat meningkatkan aspek kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat bahawa gangguan seksual tidak seharusnya dirasakan normal.

Timbalan Dekan (Akademik, Antarabangsa, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Fakulti Ekologi Manusia, University Putra Malaysia, Prof Dr Rumaya Juhari berkata, ramai dalam kalangan wanita diganggu secara seksual, tetapi tidak tampil ke hadapan untuk membuat laporan kerana fobia, takut, segan selain bahan pembuktian agak berat.

“Selain itu, ada juga yang berpendapat jenaka berunsurkan gangguan seksual itu ‘okey’ sedangkan ia tidak boleh diterima dan jika mangsa berasa tidak selesa, ia juga adalah satu bentuk gangguan.

“Biarpun tidak nampak pada pandangan mata kasar namun gangguan seksual dalam apa juga bentuk boleh menjejaskan emosi dan menimbulkan ketakutan kepada mangsa,” katanya.

Menurutnya, definisi gangguan seksual juga perlu diperhalusi bagi merang-

kumi segala bentuk dan jenis gangguan seksual termasuk penderaan.

Katanya, aspek pendidikan kepada masyarakat juga perlu diberi keutamaan kerana kita tidak boleh berbangga dengan jumlah kes yang akan dilaporkan di tribunal itu kelak.

Pada Julai lalu, Rang Undang-Undang (RUU) Antigangguan Seksual diluluskan di Dewan Rakyat, selepas ia dirangka sejak lebih 10 tahun.

RUU yang usaha pengubalannya bermula pada 2011 itu mengiktiraf gangguan seksual sebagai pencabulan maruah manusia, satu bentuk diskriminasi dan keganasan berasaskan jantina.

Ia turut mengadakan peruntukan bagi hak tebus rugi bagi mana-mana individu diganggu secara seksual melalui penubuhan tribunal bagi antigangguan seksual.

Sementara itu Rumaya berkata, penubuhan Pusat Sokongan Sosial Setempat juga dapat membantu menangani isu kesihatan mental dan keganasan rumah tangga di negara ini.

Katanya, peruntukan RM8 juta oleh kerajaan bermanfaat untuk pusat itu yang berperanan sebagai lokasi intervensi awal serta sesi advokasi psikososial dan kaunseling.